

Rencana Pengarang

Memikir Semula Pembangunan: Teori, Konsep dan Amalan Rethinking Development: Theory, Concept and Practise

Semenjak selepas Perang Dunia Kedua dan untuk selama beberapa dekad pemimpin negara-negara sedang membangun telah melaksanakan pelbagai rancangan dan strategi pembangunan. Negara-negara yang baru merdeka ketika itu telah menjadi perhatian negara bekas penjajah apabila keadaan pembangunan negara-negara tersebut, khususnya pembangunan ekonomi, telah dikaji dan diteliti bertujuan menentukan jenis bantuan yang hendak diberikan. Cadangan pembangunan dan jenis bantuan yang dikemukakan ketika itu adalah berpandukan pemikiran dan penteorian pembangunan yang orthodox. Pemikiran orthodox ini berlandaskan anggapan bahawa punca dan halangan dalaman kepada pertumbuhan ekonomi merupakan sebab terdapatnya keadaan kurang pembangunan di negara-negara sedang membangun.

Dunia selepas perang telah menyaksikan kemajuan dan perubahan yang agak signifikan dalam keadaan hidup manusia hasil transformasi ekonomi dan teknologi. Begitu juga halnya di kebanyakan negara sedang membangun, terutamanya dalam masa lima puluh tahun yang lalu. Kemajuan dapat dilihat umpamanya dari segi pendapatan per kapita, capaian kepada pendidikan dan komunikasi, kesihatan dan beberapa aspek sosial yang lain, peningkatan jangka hayat daripada 55 tahun kepada 65 tahun, dan pengurangan kadar kemiskinan dan pengangguran.

Sungguhpun terdapat kejayaan-kejayaan tertentu, namun masih terdapat banyak isu dan masalah berkaitan pembangunan yang perlu ditangani dan diselesaikan. Sebenarnya di banyak negara keperluan asas untuk kehidupan yang relatifnya memuaskan dan produktif masih belum diperolehi. Antara masalah yang masih belum terselesai sungguhpun terdapat pertumbuhan ekonomi dalam negara-negara tertentu ialah masalah kemiskinan dan ketaksamaan, pengangguran, juga *social dislocation*. Bahkan, dari segi realitinya jurang antara negara kaya dan negara miskin semakin melebar. Boleh dikatakan jurang ini merupakan antara ciri utama pertumbuhan pada abad ke-20 yang lepas. Begitu juga jurang antara golongan berada dan golongan termiskin dalam sesebuah negara. Dalam hal ini Bank Dunia telah menganggarkan bahawa menjelang tahun 2008 penduduk dunia yang miskin akan berjumlah seperti yang terdapat pada hari ini sekiranya kadar pertumbuhan yang perlahan dan masalah agihan yang tak sama rata terus menerus berlaku (*World Development Report 2001*). Boleh dikatakan bahawa secara umum dunia telah gagal mencapai pembangunan lestari yang berpusatkan manusia.

Keadaan ini menunjukkan bahawa proses pembangunan sebenarnya telah kurang berjaya untuk memenuhi matlamatnya menghasilkan pertumbuhan dan membawa kesejahteraan hidup kepada sebahagian besar penduduk dunia amnya.

Faedah pembangunan yang telah terhasil kini telah tidak diagihkan secara sama rata sama ada antara negara ataupun di dalam negara, antara yang kaya dan yang miskin. Boleh dikatakan masalah kemiskinan semakin meningkat di banyak negara.

Dalam hal ini banyak kajian telah menunjukkan masalah asas kegagalan itu adalah berkaitan dengan andaian yang mendasari pemikiran kenapa negara-negara kurang membangun itu berada dalam keadaan tersebut. Pendekatan dan pemikiran asas pembangunan ini menganggap negara-negara Dunia Ketiga atau negara kurang membangun sebagai satu kumpulan negara yang bersifat homogen. Dengan demikian, apa yang dianggap baik untuk negara-negara maju adalah juga dianggap baik untuk semua negara sedang membangun. Selain itu, terdapatnya anggapan bahawa untuk mengalami keadaan pembangunan seperti yang dinikmati negara maju, maka negara sedang membangun perlu melalui proses dan pengalaman pembangunan yang sama. Justeru, negara sedang membangun telah ternafi sejarah mereka sendiri, telah dikategorikan sebagai 'mundur' dan 'tradisional' dan kemudian dihulurkan 'bantuan' yang dianggap 'sesuai' untuk menghapuskan keadaan 'mundur' dan 'tradisional' yang telah dikenal pasti itu supaya jurang pembangunan dapat dihapuskan.

Namun, masalah yang timbul kini menunjukkan bahawa 'satu dasar pembangunan untuk semua' sebenarnya adalah tidak sesuai kerana ternyata kurang berjaya menyelesaikan masalah pembangunan negara-negara tersebut. Kegagalan itu juga menunjukkan bahawa pendekatan dan pemikiran yang sedemikian harus ditolak. Sebagai gantinya perlu ada kepelbagaian strategi pembangunan yang mengambil kira keperluan dan perbezaan pengalaman sesebuah negara berkenaan. Perhatian juga harus diberikan kepada kesan sejarah dan keadaan geografi negara yang terbabit.

Memandangkan masih adanya masalah-masalah lama itu, kini terdapat persetujuan umum bahawa perlu difikirkan semula, bukan sahaja tentang pendekatan, strategi dan proses pembangunan, tetapi juga penteorian tentang pembangunan. Ini perlu untuk meneliti semula dan menghapuskan kekangan yang menghambat pembangunan negara-negara sedang membangun. Pemikiran semula pembangunan ini perlu kerana kita masih perlu menyelesaikan masalah lama, iaitu masalah yang telah wujud semenjak selepas Perang Dunia Kedua lagi. Antara masalah yang paling penting adalah jurang kemiskinan dan ketaksamaan yang semakin besar yang wujud antara golongan berada dan yang tidak, sama ada di antara atau di dalam negara. Juga masalah pengangguran. Pemikiran semula ini perlu berlaku di kedua-dua peringkat nasional dan antarabangsa.

Cadangan memikirkan semula persoalan pembangunan itu adalah untuk mencari penyelesaian bagaimana menangani ancaman dan masalah yang timbul hasil proses pembangunan supaya dapat mempertingkatkan kesejahteraan penduduk. Juga untuk melihat di manakah letaknya proses dan projek pembangunan yang sedia ada dan dalam pada itu mengambil kira apa yang telah berjaya dan menggantikan pendekatan yang didapati gagal dengan pendekatan

yang baru. Tindakan ini juga dicadang dilakukan untuk mengubah cara bagaimana pembangunan dikonseptualisasi, diteorikan dan dilaksanakan. Harus diingat bahawa pengalaman sejarah menunjukkan bahawa banyak daripada institusi yang kini dianggap sebagai prasyarat untuk kejayaan pembangunan ekonomi adalah sebenarnya merupakan hasil, dan bukannya sebab terdapatnya pembangunan ekonomi di negara yang kini maju.

Dalam usaha memikirkan semula soal pembangunan ini sekaligus pendekatan dan strategi baru juga akan difikirkan berdasarkan strategi pembangunan yang lebih sesuai dengan keadaan tempatan dalam usaha membawa kemajuan yang lebih bermakna kepada penduduk tempatan khususnya dan manusia sejagat. Dalam hal ini dicadangkan satu pendekatan pembangunan yang pelbagai dimensi dan komprehensif atau menyeluruh, iaitu pendekatan yang menekankan saling gantungan dan saling sokongan pelbagai aspek strategi pembangunan – sosial, struktural, manusia, institusi, alam sekitar, ekonomi, dan politik. Juga dengan mengambilkira keupayaan negara-negara sedang membangun memikirkan, mengungkapkan dan merancang strategi pembangunan mereka sendiri dengan bantuan yang sesuai daripada negara-negara maju khususnya.

Makalah yang terhimpun untuk keluaran khas ini secara umumnya menyentuh soal pemikiran semula pembangunan ini. Makalah-makalah ini mengambil kira tentang teori, konsep dan kesan amalan proses pembangunan sebagaimana proses itu dialami di Malaysia.

Makalah bertajuk ‘Memikir Semula Persoalan Pembangunan Manusia: Antara Teori Dengan Realiti’ oleh Abdul Rahman Embong menghujahkan bahawa walaupun persoalan pembangunan mempunyai kesan mendalam dan menjangkau jauh ke atas kehidupan manusia sejagat khususnya rakyat Dunia Ketiga, terdapat pelbagai aliran pemikiran yang bertentangan berhubung dengan konsep, teori, pendekatan dan strategi pembangunan. Pada masa yang sama, terdapat pengalaman dan prestasi pembangunan yang berbeza-beza di kalangan pelbagai negara selama lima puluh tahun lebih ini, dengan sejumlah daripadanya lebih berjaya berbanding negara yang lain. Sungguhpun konsep pembangunan manusia yang diterimapakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangas Bersatu (PBB) sejak 1990 itu adalah satu kemajuan penting dan amat berguna dalam ilmu dan praktik pembangunan, kita perlu melakukan pemikiran semula untuk melihat beberapa masalah atau kepincangan mengenainya dan mencari jalan keluar agar dapat mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif bagi memajukan pembangunan manusia dan keselamatan insan pada masa hadapan.

Sity Daud pula dalam makalah beliau bertajuk ‘Globalisasi dan Negara Pembangunan’ membincangkan kesan globalisasi terhadap keupayaan negara untuk campur tangan dalam pembangunan berdasarkan wacana pembangunan kontemporer. Kegawatan ekonomi 1997 dan krisis ekonomi Jepun yang berpanjangan telah menyebabkan peranan negara dalam pembangunan semakin dipertikaikan. Bahkan, negara dianggap sebagai tidak lagi relevan dan sepatutnya berundur bagi membolehkan pasaran mengendalikan urusan ekonomi secara

lebih efisien. Walau bagaimanapun, menurut beliau soal pembangunan dan agihan tidak boleh diserahkan kepada kuasa pasaran semata-mata. Hal ini kerana peranan negara masih diperlukan tetapi negara mesti mengubahsuai peranannya supaya terus relevan seperti yang dibuktikan oleh kes Jepun, Korea Selatan dan Malaysia. Era negara autoriter yang dipimpin oleh tokoh-tokoh kuat sudah berlalu atas desakan pendemokrasian. Pada hari ini, negara masih boleh berperanan dalam pembangunan dengan syarat, ia memajukan pembangunan yang mesra-rakyat, iaitu pembangunan yang tidak mengeneipkan soal kebebasan dan pilihan rakyat yang diperjuangkan oleh masyarakat sivil. Artikel ini menyimpulkan bahawa negara pembangunan boleh terus aktif dalam merangsang pertumbuhan dan mengagihkan kekayaan negara dengan menumpukan pada soal tadbir urus baik dan ketelusan.

Secara umum perhatian, perbincangan, dan perdebatan mengenai hal-hal berkaitan pembangunan menunjukkan bahawa isu pembangunan adalah tetap penting dan relevan kepada masyarakat dan negara. Namun, soalnya kenapakah bidang Pengajian Pembangunan hendak diketepikan atau dikurangpentingkan? Isu ini telah dikupas oleh Madeline Berma dan Junaenah Sulehan dalam makalah mereka bertajuk 'Being Multi-Disciplinary in Development Studies: Why and How'. Mereka telah menyentuh mengenai kerelevanan bidang Pengajian Pembangunan dalam usaha memahami pembangunan negara Dunia Ketiga khususnya. Mereka berpendapat bahawa bidang Pengajian Pembangunan adalah penting dan relevan kerana bidang ini memberi tumpuan terhadap isu-isu dan masalah berhubung dengan negara-negara membangun pada pasca Perang Dunia II. Selepas tahun-tahun 1950-an, Pengajian Pembangunan berasaskan multi dan inter-disiplin telah dibentuk untuk meneliti dinamik perubahan yang berlangsung di negara-negara yang pernah dijajah, namun penulis beranggapan konsep pengajian pembangunan itu sendiri masih kurang difahami. Penulis juga membincangkan kesesuaian, halatuju dan destinasi Pengajian Pembangunan, khususnya di Malaysia. Makalah ini berakhir dengan penulis menyarankan beberapa cadangan dan strategi untuk membentuk serta mengekalkan Pengajian Pembangunan.

Boleh dikatakan bahawa mendasari setiap perancangan dan proses pembangunan ialah idea, falsafah, pemikiran, ideologi dan andaian tertentu yang kemudiannya memandu arah tuju proses dan perancangan itu. Hal ini bermakna bahawa pada takat tertentu gagal atau berjayanya proses pembangunan di sesebuah negara akan bergantung kepada bagaimana pembangunan di-konseptualisasikan, sama ada ia dilihat secara sempit dan ditentukan oleh pihak pemerintah semata-mata atau membolehkan penyertaan bersama anggota masyarakat. Dalam makalahnya 'Development in Malaysia: Economics and Politics of an Idea', Lee Hwok Aun telah memberi suatu penaksiran kritikal tentang idea pembangunan di Malaysia. Menurut penulis perancangan dan prestasi ekonomi negara ini berpuncakan kecenderungan tertentu di dalam takrif dan amalan apa yang digelar sebagai pembangunan. Perbincangan dalam makalah

ini menekankan ekonomi dan politik pembangunan serta peranan pemerintah di dalam proses itu. Penulis telah menghujahkan bahawa kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat merupakan suatu objektif utama polisi, sementara pengagihan pendapatan, perindustrian dan pembangunan kapitalis adalah keutamaan polisi pembangunan. Objektif yang lain, khususnya pembasmian kemiskinan dan perpaduan kebangsaan, juga merupakan objektif yang penting, tetapi dihambat oleh konsep-konsep yang sempit serta kepentingan pemerintah. Penulis berpendapat bahawa penguasaan dominan pemerintah telah menghasilkan situasi di mana idea pembangunan dilahirkan oleh pemerintah bagi tujuannya sendiri, dan jarang sekali dipersoalkan.

Kesan proses pembangunan telah juga dimuatkan dalam keluaran khas ini. Nor Aini Haji Idris dalam makalahnya 'Mobiliti Sosial di Kalangan Generasi Kedua Felda' telah memberi tumpuan kepada kesan pendidikan terhadap mobiliti sosial dan tingkat pendapatan seseorang. Menurut beliau walaupun dasar pendidikan sekolah rendah percuma telah diamalkan oleh kebanyakan negara membangun, namun tidak banyak kesannya terutama bagi golongan miskin. Ramai anak dari keluarga miskin yang tercicir pelajaran mereka pada peringkat rendah lagi. Dengan menggunakan hasil penemuan kajian di Felda Daerah Jempol, Negeri Sembilan, penulis cuba menganalisis dua isu asas berkaitan dengan mobiliti sosial. Pertama, untuk melihat peranan pendidikan dari perspektif pembangunan manusia dan kedua, untuk menilai keberkesanan peranan Felda dalam memperbaiki status sosioekonomi generasi pertama. Penulis berpendapat, usaha ke arah pengurangan kemiskinan melalui pendidikan adalah selari dengan konsep pembangunan manusia dan program Felda melalui aktiviti ekonomi telah berjaya mengubah taraf hidup generasi kedua berbanding dengan kehidupan ibu bapa mereka. Mobiliti sosial secara menegak yang berlaku melalui mekanisme pendidikan juga membuktikan kejayaan program pembangunan luar bandar yang telah dilaksanakan oleh pihak pemerintah.

Kesan proses pembangunan adalah menyeluruh. Bermakna kesannya tidak terbatas kepada aspek ekonomi sahaja atau telah timbul hasil pengenalan ciri-ciri baru ekonomi dan teknologi. Kesan pembangunan juga mencakupi aspek sosiobudaya apabila terdapat nilai-nilai, budaya dan amalan baru dibawa masuk ke dalam sesebuah masyarakat negara sedang membangun. Rokiah Haji Ismail melalui makalahnya bertajuk 'Sub-budaya Muzik Rock Bawah Tanah di Kalangan Remaja Bandar' telah membincang tentang penglibatan golongan remaja dalam muzik rock bawah tanah, yang dianggapnya sebagai bukanlah merupakan sesuatu perkara yang baru. Beliau telah menilai amalan muzik rock bawah tanah dan hubungannya dengan gaya hidup remaja bandar, termasuk pola amalan muzik tersebut, impak perkembangan teknologi maklumat dan media, hubungan sosial remaja terutama dengan kelompok sebaya, dan beberapa isu yang sering dikaitkan dengan gaya hidup remaja seperti status, identiti, kebebasan dan kuasa. Semuanya ini cuba dikupas untuk melihat perkaitan antara persoalan amalan muzik rock bawah tanah sebagai satu gaya hidup remaja dan pembangunan manusia.

Menurut penulis nilai-nilai yang dikongsi remaja mempunyai hubungan yang rapat dengan ‘kesedaran’ tentang betapa pentingnya ukuran-ukuran lain selain ekonomi atau material bagi pembangunan manusia dalam memastikan wujudnya keadilan serta kesejahteraan bagi remaja sebagai satu kelompok sosial dalam masyarakat. Umumnya, tingkah laku remaja muzik rock bawah tanah mempunyai kesan yang nyata dan tidak nyata terhadap pembangunan remaja dari berbagai-bagai segi termasuk psikologikal, sosial, mental, *spiritual* dan emosi.

Mengambil kata-kata McMichael (1996: 250), terdapatnya “growing skepticism in the development project” dan juga wujudnya “public disillusionment”, maka perlu adanya usaha untuk memikirkan semula soal pembangunan. Dunia kini perlukan satu pendekatan baru untuk menyelesaikan atau mengurangkan masalah pembangunan yang sudah sekian lama wujud. Soal pendekatan dan proses pembangunan dan bagaimana pembangunan dikonseptualisasikan perlu ditinjau semula kerana kita masih tidak dapat menyelesaikan beberapa masalah yang berpotensi mengancam dan membahayakan prospek generasi masa depan untuk hidup secara aman, selamat dan produktif.

Pendekatan baru pembangunan yang bakal digunakan itu pula hendaklah bersifat holistik dan komprehensif dengan mengambil kira setiap aspek atau unsur berkaitan strategi pembangunan yang terdapat dalam masyarakat. Untuk ini satu pra syarat yang perlu ialah kesepaduan dasar sosial, ekonomi dan budaya supaya dasar-dasar itu menjadi saling menyokong. Hal ini kerana usaha memperolehi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial yang mapan tidak boleh dilakukan secara berasingan. Pendekatan baru ini juga harus mengandungi kedua-dua elemen ‘atas-ke bawah’ dan ‘bawah – ke atas’. Bermakna ia berkehendakkan adanya unsur *inclusion* dan *participation* pelbagai sektor dalam masyarakat – *state*, masyarakat sivil, organisasi bukan kerajaan (NGOs), sektor swasta, dan penduduk tempatan. Pendekatan atau cara baru ini memerlukan perkongsian cara baru kerana tidak ada strategi pembangunan yang benar-benar boleh berjaya kecuali strategi itu telah mengambil kira atau juga merupakan hasil mereka yang sepatutnya menerima faedah daripadanya.

Akhir kata adalah diharapkan kumpulan makalah dalam Isu Khas ini akan dapat menyumbang kepada perenungan, pemikiran dan penelitian semula soal pembangunan.

Rahimah Abdul Aziz
Ketua Editor
Akademika

Editorial

Rethinking Development: Theory, Concept and Practice

Since the end of World War II and for a few decades after the leaders of the developing countries had implemented various development plans and strategies. The newly independent countries became the focus of attention of their former colonialists when the development situations of the countries, particularly the economic development, were studied to determine the types of aids that were to be given. During that time orthodox development thinking and the orizing guided the recommendations for development and types of assistance to be given. These orthodox ideas were based on the assumptions that the underdevelopment situations of the developing countries were caused by internal barriers to economic growth.

The post-war world had since then witnessed significant progress and changes to human lives as a result of economic and technological transformations. The same is true in many developing countries, especially in the last fifty years. For example, progress can be seen in terms of the increase in per capita income, access to education and communication, health and some other social aspects, the increase in life expectancy from 55 years to 65 years, and decrease in poverty and unemployment rates.

However, despite the various development achievements, there are still many issues and problems that needed to be addressed. Many countries are still unable to provide the basic needs for a relatively satisfying and productive life of their inhabitants. Among the many problems that are yet to be successfully addressed, despite evidence of economic growth in some developing countries, are poverty and inequality, unemployment and social dislocation. In reality the gap between the rich and the poor countries is widening. In fact, it can be said that this widening gap is among the main growth characteristics of the twentieth century. So too is the gap between the rich and the very poor of some countries. With regard to this the World Bank had estimated that by the year 2008 the total poor population of the world will be as much as is evident today if the slow growth rate and the problem of unequal distribution continues (*World Development Report 2001*). Generally, it can be said that the world has failed to achieve a human-centered sustainable development.

This situation shows that the development process has been somewhat unsuccessful in achieving its objectives to generate growth and promote wellbeing among the majority of the world's population. The development benefits created have not been equally distributed whether it is between countries or within a country or between the rich and the poor. It can be safely said that the poverty problem is increasing in many countries.

With regard to this many studies have shown that the basic problem for the failure is related to the assumptions that underlie the idea why developing countries are in that condition. Basically, the development approaches and ideas assume all Third World or less developed countries to be homogeneous. Subsequently, what are regarded as 'good' for the developed countries, are regarded likewise for all developing countries. Secondly, it was assumed that to achieve the level of development enjoyed by the developed countries, the developing countries would have to undergo the same development process and experiences. As such, the developing countries were denied their own history. They were categorized as 'backward' and 'traditional' and were then given 'aids' deemed 'appropriate' to eliminate the 'backward' and 'traditional' situations that were identified in order to close the development gap.

However, the problems that now exist show that 'one development policy for all' is inappropriate as it fails to solve development problems of the countries involved. The failure also shows that such approach and thinking need to be rejected. Alternatively, there is a need for a diversity of development strategies that takes into consideration the needs and experiences of the respective countries. Attention should also be given to the historical impacts and geographical situations of the respective country.

In view of the fact that old problems still persist, there is now a general consensus of the need to rethink, not only the approach, strategy and development process, but also the development theorizing. This is essential in order to reexamine and abolish the constraints that impede the development of the developing countries. Rethinking development is necessary because we need to solve the old problems, that is problems that have been in existence since the post WW2. Among the more important problems are the widening poverty gap and inequality that exists between the haves and the have-nots, whether it is between countries or in a country. Also, the problem of unemployment. This rethinking exercise needs to be done at both the national and the international levels.

This suggestion to rethink the development issue is to seek solutions to the various threats and problems that had surfaced as a result of the development process and thereby, increase the wellbeing of the population. Also, it is to see what approaches and projects had succeeded and to replace those approaches that had failed with new ones. This action is suggested to change the ways development is conceptualized, theorized and implemented. It should be remembered that development experiences have shown that many of the institutions now regarded as prerequisites for economic development, are in reality the results, rather than the cause of the economic development achieved in the countries that are now developed.

Efforts to rethink the development question would also subsequently call for new and more appropriate approaches and strategies to suit local situations. This is in order to bring about a more meaningful progress particularly to the

local population and the human population in general. In this respect, a development approach that is multi-dimensional and comprehensive or holistic is suggested. That is an approach that emphasizes the interdependence and inter-relatedness of the various aspects of the development strategies – social, structural, human, institutions, and environment, economy and politics. Also, by taking into considerations the capability of the developing countries to think, formulate and plan their own development strategies with appropriate assistance, particularly from the developed countries.

The articles that have been put together for this special issue have generally discussed the question of rethinking development. These articles have taken into account the theory, concept and impacts of development process as they are experienced in Malaysia.

The article titled 'Memikir Semula Persoalan Pembangunan Manusia: Antara Teori Dengan Realiti' by Abdul Rahman Embong argues that although the issue of development has a deep and far-reaching impact upon human lives, particularly those in the Third World, there exist conflicting schools of thought with regard to its concept, theories, approaches and strategies. At the same time, the development experience and performance among the various countries in the last fifty years are rather varied, with some of them being more successful than others. Although the acceptance of the concept of human development by the United Nations since 1990 is undoubtedly an important breakthrough and is highly significant for the field of development studies and practice, we still need to rethink the concept namely with regard to some of its shortcomings and seek a way out so as to create a more conducive environment to enhance human development and human security.

Sity Daud in her article titled 'Globalisasi dan Negara Pembangunan' discusses the impact of globalisation on the state's capacity to intervene in development. The 1997 economic crisis and the ongoing Japanese economic crisis had resulted in the relevance of the state being questioned. In fact, the state is regarded as irrelevant and thereby should retreat to give way to the market to manage the economy more efficiently. However, the author is of the opinion that development and distribution cannot be left to market forces alone. This is because the state still has a role to play, but it has to make adjustments in order to stay relevant as evidence from the Japanese, South Korean and Malaysian cases. The era of authoritarian states led by 'strong-man figures' has lapsed as a result of democratisation. Today, the state can still play a role in development, but under one condition, that it upholds a people-centered development that recognises freedom and the people's choices as strived for by the civil society. This article concludes that developmental states can continue to play an active role in enhancing growth and redistributing the country's wealth by upholding good governance and transparency.

Generally, discussion and debates on subjects related to development show that the development issues are as important and relevant today to the state and

society as they were before. The question then is why is Development Studies marginalised or its importance underplayed? Madeline Berma and Junaenah Sulehan delve into this issue in their article 'Being Multi-Disciplinary in Development Studies: Why and How'. They discussed the relevance of the Development Studies as an attempt to understand development of the Third World countries in particular. They opined that Development Studies is pertinent and relevant as it focuses on issues and problems of less developed countries in the post World War II. After the 1950s, Development Studies with multi- and inter-disciplinary base was established to explore the dynamics of changes taking place in post-colonial societies. However, the writers are of the opinion that the concept itself is poorly understood and misconstrued. The writers also discuss the relevance, directions and destination of Development Studies, particularly in Malaysia. This article ends with recommendations to develop and sustain a multi- and inter-disciplinary Development Studies.

Generally, it can be said that underlying every development plan and process are ideas, philosophies, thoughts, ideologies, and assumptions that guide the directions of the processes and the plans. This means that to a certain extent the success and failure of the development process of a country will depend on how development is conceptualised. Whether it is viewed in a narrow sense and determined by the government or it allows for the participation of the members of society. In his article 'Development in Malaysia: Economics and Politics of an Idea', Lee Hwok Aun offers a critical assessment of the idea of development in Malaysia. According to the writer the nation's economic planning and performance have been derived from particular inclinations in the definition and practice of what is broadly referred to as development. The discussion in the article focuses on the economics and politics of development and the role of the state in this process. The writer argues that rapid economic growth has been an over-riding policy objective, while income distribution, industrialization and capitalist development have been central priorities of development policy. Other objectives, especially poverty alleviation and national unity, have also been important considerations but have been constrained by narrow concepts and vested interests of the state. The writer is of the opinion that the dominance of the state has bred a situation in which the idea of development is conceived by the state for its own purposes, and rarely questioned.

Articles on the impacts of the development process have also been included in this special issue. The article titled 'Mobiliti Sosial di Kalangan Generasi Kedua Felda' written by Nor Aini Haji Idris focuses on the impact of education on social mobility and level of individual income. According to the writer although the policy of free primary education has been practiced by many developing countries it however has not help much especially the poor families. Many children from poor families are more likely to drop out during the early years of schooling. Using the findings drawn from a study on the Felda Scheme in Daerah Jempol, Negeri Sembilan, the writer analyses two basic issues on

social mobility. First, the role of education within human development perspective and second, the effectiveness of the scheme in improving the socio-economic status of the first generation. The writer is of the opinion that poverty reduction through education among the second generation is consistent with the concept of human development. Also, the Fel'da Scheme has been successful in changing the status of the second generation to a better life compared to their parents. This vertical social mobility resulting from the education also reflects the success of the rural development program implemented by the government.

The impact of development is total. This means that its impact is not confined to the economic aspect alone or as an outcome of the introduction of new economic and technological characteristics. The impact of development also encompasses the socio-cultural aspect when new values, culture and practices are introduced to the society of a developing country. In her article titled 'Subbudaya Muzik Rock Bawah Tanah di Kalangan Remaja Bandar' Rokiah Haji Ismail discusses the youths' involvement in the underground rock music, which she considers as not an entirely new phenomenon. The writer assesses the nature of the youths' involvement in the underground rock music and its relationship to their particular urban lifestyle including the general pattern of the youths' involvement in the underground rock music, the impact of the development of information technology and the media in facilitating their keen interest in the music, the social relationship of the youths with their peer group, and issues frequently associated with their specific lifestyle such as status, identity, freedom and power. The writer attempts to examine the relationship between the youths' participation in the underground rock music as a lifestyle and human development. The specific values shared among the youths are very much related to their own 'awareness' of the need and importance for human development to take into serious consideration not only its economic or material criterion, but also its other non-economic indicators of development in order to ensure that justice and well-being are equally accorded to the youths as a social group in the society. Generally, the behaviour of the youths involved in the underground rock music has specific direct and indirect impacts on their development including the psychological, social, mental, spiritual and emotional aspects.

As said by McMichael (1996: 250), because of the "growing skepticism in the development project" and the existence of "public disillusionment" (ibid), it is imperative that attempts be made to rethink the development question. The world now needs a new approach to solve or lessen the development problems that have long been in existence. The question of development approach and process as well as how development is conceptualized need to be reviewed because we are still unable to solve problems that are potentially threatening, thus endangering the prospects for the future generation to live in peace, safety and to be productive.

This new approach to development should be both holistic and comprehensive in nature taking into consideration every aspect or element related to the development strategy found in the society. To achieve this, an essential prerequisite needed is an integrated and interrelated social, economic and cultural policy. This is because efforts to attain sustainable economic growth and social development cannot be undertaken separately. This new approach should also contain both the 'top-bottom' and 'bottom-up' elements. This means that there must be elements of inclusion and participation of the various sectors of the society – state, civil society, NGOs, private sector and the local population. This new approach thus requires a new kind of partnership because there is no development strategy that could really succeed unless the strategy has considered, or is a product of those who should truly benefit from it.

Finally, it is hoped that the collection of articles in this Special issue will contribute to the reexamining and rethinking of the development question.

RUJUKAN/REFERENCES

- McMichael, P. 1996. *Development and Social Change*. Pine Forge Press: Thousand Oaks, California.
- Roberts, J. T. & Hite, A. 2000. *From Modernization to Globalization*. Blackwell: Oxford.
- World Bank. *World Development Report 2001*. Washington D.C.

Rahimah Abdul Aziz
Editor-in-Chief
Akademika